



**Pasukan pemain hoki wanita negara** memperagakan pingat emas yang mereka raih selepas menewaskan pasukan Thailand 2 - 0 pada aksi final, semalam.

# Skuad hoki wanita berpeluh sebelum raih emas



**Kuala Lumpur:** Skuad hoki padang wanita terpaksa menunggu sehingga minit ke-46 sebelum memecah tembok pertahanan Thailand dalam laluan mereka memenangi pingat emas di Stadium Hoki Nasional Bu-

kit Jalil, semalam.

## **Cari semula rentak**

Ia adalah emas ketujuh skuad hoki wanita dalam sejarah temasya dwitahunan itu.

BERITA HARIAN 29/8/2017 p. 51

Thailand yang berada pada ranking ke-31 dunia bertahan dengan kemas pada tiga suku permainan ketika berdepan tuan rumah yang berada di ranking ke-22, sebelum gol padang Hanis Nadiah Onn memecah

kebuntuan.

Belum pun sempat Thailand mencari semula rentak, Nuraini R Rashid menjadikan kedudukan 2-0, selang seminit untuk memastikan emas dalam genggaman.